

Pusat pengumpulan kenaf pertama ECER

um 03/05/08 (19)

BACHOK 2 Mei - Sejajar dengan rancangan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) untuk menggalakkan penanaman kenaf, pusat pengumpulan kenaf pertama di negara ini akan dibuka di sini bulan ini bagi menguruskan pemprosesan dan pemasarannya.

Pusat Pengumpulan, (CPMC) Pemprosesan dan Pemasaran seluas 0.5 hektar di Beris Lalang itu akan dikendalikan oleh Symphony Advance Sdn. Bhd. (SASB), dengan kerjasama Lembaga Tembakau Negara (LTN).

Pengarah Urusan SASB, Iman Shah Ismail berkata, syarikat itu telah melabur hingga RM1 juta untuk mendirikan pusat itu dan merancang untuk membuka lebih banyak CPMC.

"Kami tidak merancang membina sebuah CPMC besar, sebaliknya banyak pusat yang bersaiz optimum berhampiran dengan ladang kenaf. Kami telah mengenal pasti tapak-tapak di Kelantan dan Terengganu.

"Pusat-pusat itu akan dibuka selaras dengan jadual penanaman kenaf ECER dan LTN," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Serbuk kenaf digunakan dalam bahan komposit manakala pokok kenaf diperkenalkan sebagai tanaman ladang di bawah ECER disebabkan oleh potensi besar pokok yang kaya dengan serabut itu. Pokok ini boleh diproses menjadi kertas, pakaian, bahan binaan, aksesori kereta dan bahan bakar bio.

Pengeluaran SASB sekarang berjumlah 1,000 tan metrik sebulan. Ini diunjurkan meningkat kepada 3,000 tan metrik menjelang September tahun ini dan 10,000 tan metrik menjelang 2009.

Syarikat itu mula mengeksport serbuk kenaf pada Februari ke negara-negara perindustrian, iaitu Jepun dan Korea.

"SASB meramalkan permintaan yang sangat besar bagi kenaf di seluruh dunia terutama dalam penggunaan bagi bahan komposit. Ini adalah kerana kenaf merupakan pokok dan bahan organik perindustrian mesra alam yang diiktiraf oleh Protokol Kyoto sebagai berupaya mengurangkan pemanasan global.

"Syarikat boleh menikmati insentif cukai khas apabila ia dieksport ke Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat," kata Iman Shah.

Meningkat

Di samping itu, katanya, disebabkan kenaikan harga minyak mentah dan berikutan itu kenaikan harga *polipropilena* dan *poliethilena*, permintaan bagi kenaf, yang merupakan bahan gantian, akan meningkat.

SASB adalah sebahagian daripada Kumpulan Syarikat Kumpulan AqilQisti, yang mempunyai operasi dalam industri media, teknologi, pertanian dan akuakultur.

Di bawah ECER, kawasan sasaran bagi penanaman kenaf adalah kira-kira 10,000 hektar.

Ita dijangka meningkatkan pendapatan 10,000 penanam tembakau dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Dalam pasaran dunia, kenaf mencapai harga RM700 hingga RM1,200 setan metrik.

China, Bangladesh, Thailand dan Myanmar menyumbang 95 peratus daripada keseluruhan pengeluaran kenaf dunia.